KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	15.08.22	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	JMG			

BH150822

Langkawi, Satun jalin kerjasama geopark

Langkawi: Langkawi UNESCO Global Geopark (LUGG) dan Satun UNESCO Global Geopark (SUGG) menjalin kerjasama dalam bidang pengurusan geopark dalam usaha melonjak semula industri pelancongan kedua-dua pihak pasca-COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Nasarudin Abd Mutalib, berkata kesepakatan itu dicapai menerusi Mesyuarat Kerjasama Strategik sempena lawatan Gabenor Satun, Ekkarat Leesen ke Langkawi, selama dua hari, berakhir semalam.

"Gabenor Satun (Ekkarat Leesen) bersama isteri, Nosma Leesen dan 28 delegasi tiba di pulau ini untuk lawatan dua hari, mulai semalam (kelmarin).

"Sejurus tiba, mesyuarat membabitkan LUGG dan SUGG diadakan, khususnya membincangkan agenda melonjak semula industri pelancongan kedua-dua pihak," katanya kepada *BH*.

Nasarudin berkata, mesyuarat itu turut berbincang untuk menyambung semula perkhidmatan feri penumpang Langkawi-Satun, mulai 1 Oktober ini.

"Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh saya dan Gabenor Satun itu membincangkan juga mengenai tawaran tenaga kerja dari wilayah itu bagi mengatasi kekurangan pekerja di sektor pelancongan tempatan.

"Bagaimanapun, perkara ini memerlukan perbincangan lanjut dan diperhalusi bersama agensi pada peringkat kerajaan negeri dan Persekutuan," katanya.

Langkawi diisytihar sebagai Geopark oleh Global Geopark Network (GGN) pada 1 Jun 2007, manakala Wilayah Satun, Thailand memperoleh status sama pada 17 April 2018.